

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)

[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**SYEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN BIN MUSTAFA AL-FATANI: PERANAN DALAM BIDANG POLITIK DAN PENDIDIKAN DI ALAM MELAYU ABAD KE 20**

*SYEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN BIN MUSTAFA AL-FATANI: THE ROLE IN POLITICS AND EDUCATION IN THE MALAY WORLD IN THE 20TH CENTURY*

Adli Yaacob<sup>1</sup>, Solehah Yaacob<sup>2</sup>, Hakimah Yaacob<sup>3</sup>, Bahrudin Yaacob<sup>4</sup>

- <sup>1</sup> Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Email: adlihy@iium.edu.my
- <sup>2</sup> Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- <sup>3</sup> Penolong Profesor Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darul Salam
- <sup>4</sup> Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
- \* Corresponding Author

| Article Info:                                                                                                                                                                                                                                                             | Abstrak:                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <p><b>Article history:</b><br/>Received date: 25.10.2021<br/>Revised date: 15.11.2021<br/>Accepted date: 10.12.2021<br/>Published date: 31.12.2021</p> <p><b>To cite this document:</b><br/>Yaacob, A., Yaacob, S., Yaacob, H., &amp; Yaacob, B. (2021). Syeikh Ahmad</p> | <p>Syeikh Ahmad berketurunan pendakwah dari Negara Yaman (Hadramout) yang telah menetap di Pattani. Beliau di antara ulama' yang telah membawa Pattani ke mercu keunggulan ilmu dan tidak hairanlah beliau dianggap sebagai ulama' yang terkemuka di Makkah al-Mukarramah sebaris dengan tokoh-tokoh yang sedia ada. Syeikh Ahmad telah memainkan peranan yang tidak kurang besarnya jika dibandingkan dengan Syeikh Daud yang merupakan mentor kepada Syeikh Ahmad. Bahkan tidak keterlaluan Sheikh Ahmad kepada Sheikh Daud seperti Aristotle kepada Plato. Skop peranan beliau termasuk di dalam bidang pengajian ilmu, penulisan, penterjemahan dan</p> |

<sup>1</sup> Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>2</sup> Profesor Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kuliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>3</sup> Penolong Profesor Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darul Salam.

<sup>4</sup> Pegawai Syariah, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

Bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani: Peranan Dalam Bidang Politik Dan Pendidikan Di Alam Melayu Abad Ke 20. *International Journal of Law, Government and Communication*, 7 (26), 168-192.

DOI: 10.35631/IJLGC.726015.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



segala usaha dakwah yang diperjuangkan atas nama Islam. Walaupun telah meninggalkan Pattani untuk ke Makkah al-Mukarramah dalam satu jangka masa yang lama, namun beliau tetap tidak lupa pada tanah kelahirannya.

#### Kata Kunci:

Politik, Pendidikan, Agama Islam, Dakwah, Gigih, Kitab, Kesedaran, Perjuangan.

#### Abstract:

Sheikh Ahmad is a descendant of a preacher from Yemen (Hadramout) who has settled in Pattani. He is one of the Islamic scholars 'who has brought Pattani to the pinnacle of knowledge and it is not surprising that he is considered as one of the reknown scholars in Makkah al-Mukarramah at par with other leading figures. Sheikh Ahmad has played a role that is no less important when compared to Sheikh Daud who was a mentor to him. It is not an overstatement to say that Sheikh Ahmad to Sheikh Daud is like Aristotle to Plato. The scope of his role includes the field of knowledge studies, writing, translation and all dakwah efforts that are taken up in the name of Islam. Despite having left Pattani for Makkah al-Mukarramah for a long time, he still did not forget his homeland.

#### Keywords:

Politics, Education, Islam, Da'wah, Perseverance, Book, Awareness, Struggle

### Latar belakang

Al-Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani merupakan anak jati Melayu Pattani yang membesar menjadi ulama' agung dan pemikir Islam yang di segani lagi di hormati. Beliau telah banyak menyumbang buah fikiran untuk mengharumkan bangsa Melayu dan agama Islam. Penglibatannya dalam dunia pemikiran Islam telah melayakkan dirinya untuk digelar Al-Alim al-Allamat Pattani. Namun begitu, di kalangan kaum kerabatnya beliau masih dikenali sebagai Wan Ngah.

Anak Muhammad Zain dan Wan Cik ini telah dilahirkan pada Jumaat malam bersamaan 5 Sya'ban 1272 A.H./ 10 April 1856 A.D. di kampung Jambu, negeri Jerim, daerah Sena Janjar, Patani<sup>5</sup> dan mengakhiri detik-detik kehidupannya di kota kelahiran Nabi Muhammad S.A.W yang menjadi permulaan sejarah kehidupan dan keagungannya. Tahun kelahirannya itu (1856) merupakan tahun kebangkitan Pattani semula. Ini dapat dibuktikan dengan kemasukan ramai pedagang terutamanya bangsa Cina. Kemewahan yang semakin melimpah ruah di Pattani menyebabkan penduduknya semakin sibuk dan alpa tentang Islam. Namun keadaan ini langsung tidak menjejaskan Syeikh Ahmad kerana beliau tidak mendapat pendidikan Islam di negerinya sendiri yang telah berada di bawah pengaruh bangsa kafir itu.

<sup>5</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1992, *Al'allahamah Syeikh Ahmad al-Fathani ahli fikir Islam dan dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur, p.12

## Sejarah Pendidikan

Sejarah pendidikan beliau bermula di rumahnya dengan sentuhan didikan datuknya sendiri iaitu Syaikh Mustafa bin Muhammad yang merupakan seorang panglima Istana Raja Patani, yang telah mengundurkan diri selepas tentera Raja Patani kalah perang dengan tentera Siam, dan telah membuka pondok pengajian di Kampong Sena Janjar, daerah Jambu.<sup>6</sup> Selepas itu, Al-Syeikh Ahmad Al-Fatani juga mendapat tunjuk ajar melalui beberapa ulama' Patani yang lain. Syeikh Wan Ali bin Abdur Rahman Kutan Al-Kalantani adalah termasuk salah seorang guru terawal yang mendidik dan membentuk personaliti pemikir agung dan tersohor Al-Syeikh Ahmad Al-Fatani.<sup>7</sup>

Kembara beliau sebagai gipsi ilmu diteruskan ke pengajian yang lebih tinggi di Kota Makkah setelah mengikut ibu bapanya berpindah ke sana. Di sana beliau meneruskan pendidikannya dengan mempelajari pelbagai lapangan ilmu termasuklah bidang perubatan yang diajar oleh seorang doktor terkenal India iaitu Shaykh Abdul Rahim Kabuli di Baitul Muqaddis selama lebih kurang 3 tahun.

Selain daripada itu, Syeikh Ahmad juga mendapat didikan daripada ulama'- ulama' terkenal seluruh dunia seperti Shaykh Ahmad Zaini Dahlan (1884-1885 A.D), Shaykh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah (1915-1916), Shaykh Nik Dir Patani atau Abdul Qadir bin Abdul Rahman (1898), Syeikh Mustafa al-'Afifi, Sayid Umar asy Syami al Baqa'ie ( Ulama' Mekkah). Sayid Mohd Ali ( madinah). Shaykh Muhammad Ali Kutan bin Abdul Rahman al- Kelantani (1913 A.D.) dan Shaykh Nik Mat Kecil Patani atau Muhammad bin Ismail (1915). Beliau mempelajari pelbagai kitab seperti Tafsir, Hadith, Fiqh, Ma'ani, Bayan, Arudh dan lain-lain lagi. Beliau meneruskan lagi kembara ilmunya dengan memilih Universiti Al-Azhar Mesir dan kemudiannya beliau kembali semula ke Mekkah untuk bersama keluarganya sehingga ke akhir hayat beliau.

## Perjalanan dan Pengalaman hidup

Kesetiaan dan semangat patriotisma yang tinggi dalam diri Syeikh Ahmad sentiasa kekal didalam hatinya dan menyimpan impian untuk melihat Pattani muncul sebagai pusat pengembangan ilmu satu hari nanti. Oleh itu segala usaha yang berkaitan mengenainya tidak pernah berhenti dan beliau sentiasa memikirkan cara yang terbaik untuk mengajak masyarakat Pattani mengubah paradigma kehidupan mereka dengan cara mencintai ilmu dan mendekati ajaran Islam. Kerana cita-cita yang murni itu, Syeikh Ahmad banyak menghabiskan masanya dalam membangunkan budaya ilmu dan agama di Pattani melalui tinta penanya. Beliau banyak menterjemah karya dan penulisan Arab ke dalam bahasa Melayu menggunakan tulisan jawi. Ini kerana, masyarakat Pattani pada waktu itu ramai terdiri daripada masyarakat Melayu-Muslim yang bertutur menggunakan bahasa Melayu dan menggunakan tulisan jawi dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, Syeikh Ahmad mahu identiti Islam dan Melayu sentiasa

---

<sup>6</sup> [http://www.geocities.com/traditionalislam/syaikh\\_ahmad\\_alFatani.htm](http://www.geocities.com/traditionalislam/syaikh_ahmad_alFatani.htm)

<sup>3</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad Al-Fathani dan Ulama Kelantan, *Ins: Tazkirah Genap 100 tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Kelantan: Kompleks Islam Lundang Kota Bharu

dipelihara dan diterima pakai dalam setiap keadaan. Tambahan lagi, penjelasan yang jelas melalui karya-karyanya membantu masyarakat Pattani untuk memahami Islam dengan lebih baik.

Para pelajar Syeikh Ahmad juga turut meminta untuk membukukan hasil penulisan agama mereka untuk memudahkan mereka melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah dan sebagai pendakwah yang bertanggungjawab menyampaikan dan memperkembangkan risalah Islam. Sebagai contoh hasil penulisan Shaykh Abdus-Samad al-Falambani yang bertajuk *Hidayatus-Salikin* (lihat lampiran D dan E). Walaubagaimanapun, Shaykh Ahmad berpendapat, mereka masih terlalu muda untuk menghasilkan buku dan menganggap keadaan ini akan menyebabkan terhasilnya buku-buku yang kurang berkualiti terutamanya dalam mengupas ilmu tasawwuf yang begitu luas dan abstrak.<sup>8</sup>

Kemudiannya, telah muncul beberapa idea untuk mencetak hasil penulisan agama dalam bahasa Melayu kerana pada waktu itu kebanyakan teks agama ditulis dengan tulisan tangan. Percubaan pertama ini atas idea dan sokongan oleh Syeikh Ahmad sendiri dan Shaykh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani serta ulama'-ulama' lain yang sentiasa duduk bersama hingga membentuk satu jamaah yang dipanggil *Kumpulan Pattani* atau persatuan ulama' Pattani yang berpusat di Hijaz, Makkah.<sup>9</sup> Tujuan persatuan ini dibentuk adalah untuk merangka dan menyusun semula satu badan yang memantau dan meneliti kualiti penulisan dan penerbitan karya-karya penulisan ilmiah Melayu ini. Hampir seluruh ulama' Melayu di Mekah, Madinah dan Mesir bersetuju untuk menyusun satu rangka baru bagi menghasilkan penulisan ilmiah yang ditulis menggunakan bahasa Melayu.

Kesannya pada tahun 1884 A.D. badan berkuasa tertinggi ulama Melayu di Mekah dan Mesir telah mengadakan satu pilihanraya bagi memilih ketua editor bagi badan penerbitan ini. Dalam tahun yang sama, satu pusat percetakan kerajaan telah dibuka di Makkah dan pada tahun 1884, kerajaan Turki telah menghantar wakilnya ke Makkah untuk melantik Syeikh Ahmad sebagai penyelia bahagian percetakan Melayu di syarikat penerbitan baru itu.<sup>10</sup> Majlis tertinggi Persatuan Ulama' Pattani telah menggariskan beberapa peraturan sebelum mencetak atau menerbitkan sebarang hasil penulisan iaitu, teks yang ingin diterbitkan harus disemak dahulu oleh beberapa ulama' dari lembaga ulama' yang mana mereka sangat mahir dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Arab. Mereka juga perlu tahu bahasa Jawa bagi sebarang kemusykilan yang mungkin akan timbul nanti.

Pada masa yang sama, selepas lembaga ulama' ditubuhkan, Syeikh Ahmad sebagai ketua editor telah diberi tanggungjawab untuk menjadi pengantara bagi menjalinkan hubungan baik dengan wakil kerajaan Turki serta meminta bantuan sokongan kewangan untuk ahli Lembaga Ulama' di Makkah. Kesepakatan dua pihak ini membuatkan mereka duduk semeja untuk membincangkan tentang kemampuan mereka untuk menerbitkan hasil penulisan Melayu dengan menggunakan cetakan permukaan batu dan logam. Oleh itu, rundingan di antara kedua-dua pihak tersebut telah membawa satu perjanjian kesefahaman. Perwakilan Turki amat

<sup>8</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sejarah Ulama-Ulama mengarang Nusantara: Sheikh Abdul-Samad al-Falambani**: dalam majalah Dian, Kota Bharu, No. 100, Vol 1001, Ogos 1977, hlm, 97-98.

<sup>9</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sheikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 17.

<sup>10</sup> *Ibid*, hlm, 18. Dr. Matheson V. dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 21.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

percaya dengan ketokohan Syeikh Ahmad untuk menerbitkan hasil penulisan Melayu sebagaimana yang telah disuarakan oleh Snouck Hurgronje:

"The Turkish Government has entrusted a certain Ahmed ibn Mohammed Zein from Patani (Malakka) with the supervision of the Malay Press. To this is probably due to the fact that the works of divines from patani are most numerous represented in mekkah editions. This Ahmad is a savant of merit"<sup>11</sup>

Terjemahannya:

*Kerajaan Turki amat mempercayai Ahmed ibn Mohamad Zain dari Pattani atas penyeliaannya dan pengawasan beliau di syarikat percetakan Melayu. Ini berkemungkinan kerja-kerja agama ini pasti banyak diperkenalkan di Mekkah. Ahmad adalah seorang Sarjana agama yang mempunyai ilmu yang luas.*

Syeikh Ahmad telah diberi kepercayaan oleh kerajaan Turki bagi menerangkan secara terperinci mengenai keperluan lembaga ulama' bagi proses penerbitan dan penyuntingan penulisan ilmiah di Makkah. Kedatangan Syeikh Ahmad ke sana amat dialu-alukan dan mendapat sambutan yang baik oleh pemimpin kerajaan Turki yang begitu selesa berurusan dengan beliau.<sup>12</sup>

Berdasarkan kata-kata Snouck Hurgronje diatas yang mengatakan bahawa Syeikh Ahmad merupakan sarjana kebaikan, jelas sekali bahawa Syeikh Ahmad adalah ulama' yang dikagumi dan hebat serta mempunyai peranan yang cukup istimewa pada waktu itu. Syeikh Ahmad berperanan penting dalam membangunkan institusi Lembaga Ulama' sebagai badan yang dapat dipercayai bagi menerbitkan karya penulisan yang bermutu dan mempunyai kemahiran menyunting penulisan yang berkualiti. Selepas menerima bantuan kewangan daripada kerajaan Turki. Syeikh Ahmad memulakan proses penyuntingan, pembetulan semula dan penerbitan hasil penulisan ilmiah versi Melayu yang pertama bertajuk Kitab Hidayatus-Salikin. Nama penuh buku ini ialah Hidayatus-Salikin fi Suluki Maslakul Muttakina iaitu hasil karya yang telah diterjemahkan dengan tulisan tangan oleh Shaykh Abdus-Samad al-falambani pada tahun 1192 A.H/1773 A.D di Mekkah. Kitab asalnya adalah dalam bahasa Arab yang dikarang oleh Al-Imam al-Ghazali yang bertajuk Bidayatul Hidayah pada tahun 505 A.H.<sup>13</sup>

Kitab tersebut telah dibawa ke lembaga ulama' dan Syeikh Ahmad dipertanggungjawabkan untuk menyunting dan membetulkan kembali segala kesilapan tentang kandungan buku tersebut. Dengan izin Allah, pertengahan bulan Rabi'ul-Awal tahun 1300 A.H./1886 A. D, buku tersebut siap diterbitkan di pusat percetakan Shaykh Hananut Taukhi yang terletak berhampiran dengan masjid Jami' al-Azhar Mesir dan merupakan buku pertama versi Melayu yang telah dicetak di sini.<sup>14</sup> Peranan yang dimainkan oleh Syeikh Ahmad pada waktu ini amat

<sup>11</sup> Hurgronje, C.S., *passim*, hlm 286.

<sup>12</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sejarah Ulama'-Ulama' Mengarang Nusantara: Syeikh Abdus Samad al-Falambani**, *passim*, hlm, 98.

<sup>13</sup> Keterangan lanjut mengenai Shaykh Abdus-Samad al-Falambani, sila rujuk dalam Hawash Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 18.

<sup>14</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 18.

besar dalam menyunting dan membetulkan kesilapan buku tersebut kerana tugas tersebut tidak dapat dipikul oleh ulama'-ulama' Arab kerana tidak menguasai dan memahami bahasa Melayu. Kewujudan kitab ini telah membuka satu ruang bagi masyarakat Melayu melakukan anjakan paradigma dalam kehidupan mereka. Idea dan pemikiran Imam al-Ghazali telah berjaya mendominasi dan mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap masa depan mereka yang memerlukan satu perubahan yang besar bagi mengangkat martabat diri, keluarga, masyarakat dan bangsa. Di akhir buku ini, beliau sempat memuji pandangan Imam al-Ghazali dan memaklumkan nama beliau sebagai pentashih.

Buku kedua yang telah disunting oleh Syeikh Ahmad ialah Tafsir al-Baidawi yang mana di tulis oleh Shaykh Abdur Rauf bin Ali Al-Fansuri yang mana teks ini adalah penterjemahan dan ulasan Quranul karim. Kitab ini adalah Quran yang pertama yang diterjemah dan diulas ke dalam bahasa Melayu. Teks aslinya bertajuk tafsir Anwarut Tanzil wa- Asrarut Ta'wil karangan al Baidawi, tetapi kemudiannya dikenali sebagai tafsir Baidawi Melayu (lihat contoh di lampiran F dan G). Shaykh Abdur Rauf bin Ali Al- Fansuri juga dikenali sebagai Shaykh Kuala yang mana berasal dari Fansur, Singkel – Aceh. Beliau telah menetap di Kuala Sg. Aceh dan mengembara untuk menuntut ilmu selama 16 tahun di Mekah, Jeddah, Mokha, Zabidi, dan Yaman. Salah seorang guru Shaykh Abdur Rauf yang dapat di kenali ialah Ar-Raniri yang mengajar beliau sekitar tahun 1068 A . H .<sup>15</sup> Ia harus dicatatkan di sini bahawa Shaykh Abdur Rauf Al – Fansuri telah menamatkan hasil kerjanya sebelum kewujudan lembaga ulama' dan sebelum kemudahan mencetak disediakan. Pada tahun 1884 A . D . apabila lembaga penerbitan dan penyuntingan hasil penulisan agama versi Melayu ditubuhkan Shaykh Ahmad yang memegang jawatan sebagai ketua editor telah mencadangkan untuk membawa teks tafsir al – Baidawi ke lembaga percetakan. Tiga ahli yang diberi kepercayaan dan kelulusan untuk menyunting teks tafsif Al – Baidawi Melayu ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al – Fatani, Syeikh Idris al-Kelantani dan Syeikh Daud bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. Walaubagaimanapun tafsir ini hanya diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu tanpa membuat sebarang perubahan dan penambahan kerana tafsir ini berhubung dengan Al-Quran. Menurut Snouck Hurgronje, Syeikh Ahmad tidak hanya menyunting kitab-kitab dari ulama' Pattani tetapi merangkumi karangan para ulama' Indonesia.

Kewujudan lembaga penyuntingan dan penerbitan karya – karya agama di dalam versi Melayu menunjukkan bahawa dunia Melayu Islam pada waktu itu seakan sudah mencapai ke kemuncaknya. Syeikh Daud bin Abdullah merupakan salah seorang guru Syeikh Ahmad yang turut dikenali di Makkah di antara tahun 1815 hingga 1840 A.D. Beliau juga banyak menulis buku-buku hasil terjemahannya dari bahasa Arab ke bahasa Melayu. Oleh itu, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani merupakan ulama' Pattani pertama yang menulis dan menterjemah buku-buku agama dari bahasa Arab ke bahasa Melayu.<sup>16</sup> Tidak hairanlah sekiranya beliau amat dikenali pada waktu itu kerana karya tulisannya yang begitu hebat dan ditulis menggunakan tangan. Apabila lembaga penyuntingan ditubuhkan, segala hasil penulisan para ulama' Pattani lama, dicetak dan dibukukan semula. Sebagaimana yang telah tercatat sebelum ini bahawa masyarakat Melayu Muslim Pattani memahami Islam melalui kitab jawi dan hasil penulisan buku-buku agama versi Melayu.

<sup>15</sup> Abbas Siradjuddin, K.H., *passim*, hlm 389-391, lihat juga Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 31-48

<sup>16</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *passim*, hlm, 113.

Oleh itu, pada akhir abad ke 19 hasil penulisan ulama' yang telah dibukukan boleh didapati di pasaran di Makkah. Hasil kerja para ulama' Pattani lama seperti Syeikh Daud bin Abdullah amat dialu-alukan oleh masyarakat Muslim dari semenanjung Melayu, kepulauan nusantara dan masyarakat kepulauan Pattani. Apabila masyarakat Muslim Pattani dan sebahagian masyarakat Melayu semenanjung menunaikan haji di Makkah, sebahagian daripada mereka mengambil keputusan untuk melanjutkan pelajaran di Kota Makkah sebagai satu latihan pengajian agama. Ada di antara mereka yang telah pulang ke tanah air dengan membawa buku-buku yang diterbitkan di sana untuk dijadikan rujukan bagi mengembangkan agama Islam di wilayah Pattani dan kepulauan Melayu. Sebahagian daripada mereka pula telah mengasaskan institusi pondok yang mana sumber pengajarannya adalah buku-buku yang datang dari kota Makkah.

Sebagai seorang ulama' yang produktif, Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani telah dianugerahkan gelaran Al-Alim Al-Allamat Al-Arif Ar-Rabbani oleh Kerajaan Turki yang melalui perwakilan kerajaan mereka di Makkah atas reputasi dan populariti beliau sebagai seorang ulama' yang terkemuka di kalangan masyarakat Muslim Melayu di bumi Pattani.<sup>17</sup> Salah seorang penjual buku di India yang bernama Abdullah Mujallid yang mana turut menjual buku hasil terjemahan Shaykh Daud ke dalam versi Melayu yang bertajuk "Risalah" mendapati edisi ini begitu mendapat permintaan yang tinggi di kalangan masyarakat muslim di India. Proses penyuntingan dan penterjemahan teks risalah dibuat di Makkah tetapi dicetak di Bombay, India tanpa mempunyai nama penulisnya. Setelah mendapati penulisan tersebut mendapat sambutan yang hebat, Abdullah Mujallid telah mencetak semula teks tersebut serta menulis nama Syeikh Daud sebagai pengarang buku tersebut. Satu dakwaan yang tidak tepat berdasarkan kitab *Fatawa al-Fataniyyah* yang tertera persoalan dan jawapan yang mengatakan kerja-kerja penyuntingan teks risalah dilakukan sepenuhnya oleh Syeikh Ahmad dan Syeikh Daud tidak menyumbang sebarang usaha dalam pembikinan teks ini. Menurut Syeikh Ahmad pula, beliau memberi pandangan bahawa gaya bahasa, lontaran idea dan segala bentuk ulasan, kiasan dan kritikan teks risalah adalah bukan gaya penulisan Syeikh Daud bin Abdullah. Ini kerana terdapat banyak kesilapan dan hasil penulisan teks risalah terdapat banyak persamaan dengan teks risalah yang di tulis oleh al-Alim al-Shaykh Azhari Palembani.<sup>18</sup>

Syeikh Ahmad sekali lagi memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan suatu kekusutan dalam masyarakat Kelantan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad IV.<sup>19</sup> Pada waktu itu terdapat seorang lelaki bernama Haji Encik 'Id bin Haji Encik Din dari Negeri Sembilan yang mendakwa dirinya telah melanjutkan pelajarannya di Makkah bersama Muhammad Dandarawi dan berguru dengan Sidi Ibrahim. Setelah tamat pengajiannya, Haji 'Id telah menetap di rumah Haji Awang, jalan atas Banggul, Kota Bharu dan beliau telah memperkenalkan ajaran tarikat Ahmadiyyah yang menjadi kontroversi di kalangan masyarakat Kelantan yang sebahagiannya membantah ajaran tersebut kerana dianggap sesat. Namun sebahagian lagi tetap setia mempercayai dan sedia terus berguru dengan beliau. Isu ini memaksa Sultan Muhammad IV atau lebih dikenali sebagai Tengku Senik menghantar surat ke Kota Makkah untuk bertanya sendiri kepada Syeikh Ahmad tentang kekeliruan tersebut dan meminta maklum balas dari beliau dengan segera.( keterangan lanjut mengenai isu tersebut

<sup>17</sup> *Ibid*, hlm, 106.

<sup>18</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sejarah Ulama'-Ulama' Mengarang Nusantara: Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani**, *passim*, hlm, 110-111.

<sup>19</sup> Nik Abdul aziz bin haji Nik Hassan, *passim*, hlm, 44-45.

boleh merujuk pada soalan no. 106, lampiran C) Syeikh Ahmad telah menjawab segala persoalan yang dikemukakan dan sehingga kini surat dari Sultan Mahmud IV yang dikirim kepada Syeikh Ahmad masih disimpan di muzium Negeri Kelantan.<sup>20</sup> Menurut Wan Mohd Shaghir, surat yang masih tersimpan itu adalah surat kedua yang telah dikirimkan kepada Syeikh Ahmad (lihat Lampiran I). Ini menunjukkan Syeikh Ahmad seorang sarjana Ilmu yang hebat ketika itu dan mempunyai pengaruh yang besar. Selain menulis buku, beliau juga berkebolehan mengarang puisi dalam versi Melayu dan Arab.

Kitab-kitab Jawi, karya golongan tua Pattani yang telah disunting dan diperbetulkan oleh majlis lembaga penyuntingan telah diperhebatkan kandungannya dan di olah corak penyampaianya dengan lebih menarik oleh lembaga tersebut dibawah penyeliaan Syeikh Ahmad merangkap ketua editor majlis lembaga penyuntingan.

Diantara Kitab-kitab Jawi yang mendapat sentuhan Syeikh Ahmad ialah:

1. Kitab “Ad Darrun nafis” karangan Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari.<sup>21</sup>
2. Kitab “Sabibul Muhtadin” oleh Shaykh Muhammad Arshad bin Abdullah al-Banjari<sup>22</sup>
3. Kitab “Siratul Mustazim” oleh Ash-Shaykh Nurudin Jilani Ibn Ali, Ibn Hasan Ji, Ibn Muhammad Hamid Ar-Raniri.<sup>23</sup>

Terdapat beberapa lagi kitab-kitab jawi selain di atas yang telah disunting oleh Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, diantaranya:

1. Kitab “al-Durr al-Thamin”, oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.<sup>24</sup>
2. Kitab “Furu’ al-Masa’ il wa Usul al-masa’il oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.<sup>25</sup>
3. Kitab “Idah al-Bab li murid al-nikah bi’l-sawab”, oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-fatani.<sup>26</sup>
4. Kitab “Ghayat al-Taqrir” oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.<sup>27</sup>
5. Kitab Munyat al-Musalla” oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.<sup>28</sup>
6. Kitab “Fathul Minan” oleh Shaykh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani.<sup>29</sup>
7. Kitab “Matla’al Badrayn wa Majma’ al-Bahrayn” oleh Shaykh Muhamad bin Ismail Daud al-Fatani.<sup>30</sup>

Kesimpulannya, Syeikh Ahmad adalah ulama’ yang begitu komited dalam menghasilkan karya-karya yang bermutu dan menepati citarasa masyarakat yang sentiasa dahagakan ilmu dan

<sup>20</sup> Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sufi dan Wali Allah**, *passim*, hlm 19.

<sup>21</sup> Lihat contoh pada rujukan, Abdullah, H., *passim*, hlm, 111-112.

<sup>22</sup> Lihat contoh pada rujukan Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 75-83.

<sup>23</sup> *Ibid*, hlm, 23-31 dan 157.

<sup>24</sup> Lihat contoh pada rujukan, Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 55-58.

<sup>25</sup> Lihat pada contoh dirujukan Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 105.

<sup>26</sup> *Ibid*, hlm, 158.

<sup>27</sup> *Ibid*, hlm, 158.

<sup>28</sup> *Ibid*, hlm, 158.

<sup>29</sup> *Ibid*, hlm, 158.

<sup>30</sup> *Ibid*, hlm, 159.

panduan agama dalam kehidupan mereka. Peranan Syeikh Ahmad telah membantu membangunkan taraf pendidikan di Pattani dan seluruh kepulauan Melayu melalui penulisan buku-buku dan karya-karyanya yang menggalakkan masyarakat untuk membudayakan ilmu bagi mengubah status kehidupan mereka sebelum ini. Tambahan pula bilangan cendekiawan Melayu yang semakin bertambah telah merencanakan lagi usaha pembangunan ilmu di Kepulauan Melayu diawal kurun ke 20.<sup>31</sup>

### **Sumbangan Syeikh Ahmad Bin Muhammad Bin Mustafa Al-Fatani**

Kemunculan Syeikh Ahmad di kurun-19 menjadi satu anugerah yang tidak ternilai didalam dunia Melayu atas usaha beliau yang begitu optimistik dalam merencanakan masa depan Islam melalui karya penulisannya. Kehidupan yang banyak dihabiskan di kota suci Makkah bagi menimba ilmu dan pengalaman ternyata berbaloi dengan segala sumbangan dan peranan Syeikh Ahmad yang sangat besar di Kepulauan Melayu. Karakter dan ketokohan beliau yang istimewa membuatkan beliau berbeza dengan ulama'-ulama' yang lain. Berikut adalah sumbangan-sumbangan beliau hingga merintis kebangkitan cendekiawan Melayu di wilayah Pattani dan seluruh Kepulauan Melayu.<sup>32</sup>

1. Beliau merupakan seorang editor majlis lembaga penyuntingan dan pembetulan (tashih) untuk kerja-kerja penulisan Melayu. Beliau juga telah dilantik sebagai penyelia didalam lembaga tersebut bagi memantau kualiti dan mutu penerbitan yang berpengkalan di mekkah.
2. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang memulakan proses pembetulan (tashih) bagi hasil kerja penulisan Melayu hingga proses cetakan dan penerbitan dilakukan.
3. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang dipertanggungjawabkan untuk membukukan tatabahasa Melayu bagi memenuhi permintaan bekas seorang pelajarnya iaitu Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail yang memegang jawatan sebagai Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan sekitar tahun 1915 hingga 1945 A.D.
4. Beliau merupakan seorang doktor perubatan dikalangan masyarakat Melayu Muslim.
5. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang menulis buku artikel politik ('Ilm al-Siyasah).
6. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang menulis buku sejarah (Kitab Hadiqatul Azhar war-Riyyahin).
7. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang melancarkan dialog soal jawab bersama Muslim yang lain melalui surat yang mana beliau menulis dalam dua versi iaitu Arab dan Melayu. Surat ini telah dikumpulkan dan diterbitkan sebagai Al-Fatawa Al-Fataniah.
8. Beliau merupakan ulama' Melayu pertama yang gemar membaca surat khabar dan berbincang mengenai politik.
9. Dipercayai bahawa beliau merupakan orang yang memperkenalkan empat huruf tambahan jawi iaitu *cha*, *nga*, *ga* dan *nya*.<sup>33</sup>

<sup>31</sup> Hassan, H., 1980, **Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Acheh**, dalam Tamadun di Malaysia, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, hlm, 54.

<sup>32</sup> Dipetik daripada Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sejarah al-Alim al-Allamat al-shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani**, *passim*, hlm, 6-7.

<sup>33</sup> Kenyataan ini berdasarkan Omar Awang melalui pengajiannya " Sumber Terbesar Bahasa Arab yang mana ditetapkan pada struktur Pengajaran Islam yang diajar di kepulauan Melayu sebelum abad ke-19. di sudut Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

10. Beliau telah menukar nama kampung halamannya daripada Pattani kepada Fatoni.<sup>34</sup>

### Karya-karya Syeikh Ahmad

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatani mempunyai kemahiran bukan sekadar menulis buku tetapi dengan penguasaan bahasa Arab, beliau juga turut menjadi seorang penterjemah. Beliau merupakan ulama' terhebat yang sentiasa merebut peluang untuk menimba pelbagai jenis lapangan ilmu. Oleh itu tidak hairanlah sekiranya hasil penulisannya berjaya memperlihatkan kebijaksanaanya dan kefahamannya yang tinggi dalam ilmu agama. Beliau boleh dianggap sebagai bapa kemodenan intelektual Muslim Pattani dan Kelantan selepas Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris Al-Fatoni yang dianggap sebagai bapa sarjana Islam Pattani. Ini kerana Syeikh Daud juga berkemampuan menterjemah kerja-kerja ilmiah yang ditulis dalam bahasa Arab ke bahasa Melayu. Sebagai ulama' Melayu kedua Pattani selepas kemunculan Syeikh Daud, Syeikh Ahmad menyumbangkan banyak hasil penulisannya dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab. Hasil kerjanya juga diakui hebat dan melupakan ulama' Melayu terhebat lewat kurun ke-19. Karya- karya beliau terbahagi kepada tiga bentuk<sup>35</sup> iaitu:

- i. Tulisan dalam bahasa Arab.
- ii. Tulisan dalam bahasa Melayu .
- iii. dan kitab-kitab yang ditashihnya dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Berikut merupakan hasil kerja beliau:

#### 1. Ibriz as-Sarf fi fan as-Sarf

Teks ini membincangkan tentang tatabahasa Arab dan menekankan aspek pembinaan dan tafsiran kata. Teks ini telah siap pada hari Isnin 8 Jumada'1 Ula tahun 1307 A.H./1890 A.D. di Makkah yang ditulis dalam bahasa Arab.

#### 2. Abniyat-al-Asma' wa al-Afa'ala

Kitab ini mempunyai 24 muka surat yang membincangkan tentang tatabahasa Arab dan digabungkan dengan 'risalah al-Fataniyyah'. Teks ini menekankan tentang asas pembelajaran bahasa Arab, lebih-lebih lagi untuk masyarakat Muslim Pattani.

Teks ini telah siap dibukukan pada hari Isnin 10 Dzulhijjah 1325 A.H./1906 A.D, bersamaan dengan tahun kematiannya.<sup>36</sup>

#### 3. Anwanul Falah wa'Anfawar as-Salah

Di dalam buku ini, Syeikh Ahmad membincangkan ilmu Tauhid, Usuluddin, Fiqh, I'tiqad dan Akhlak yang merangkumi aspek pergaulan sosial. Buku ini telah dapat disiapkan pada hari Jumaat 7 Syawal 1319 A.H / 1899 .D. di Kota Makkah.

---

undang-undang pula, ilmu ketuhanan dan sufi, huruf-furuf dalam bahasa Jawa yang manabukan huruf Arab pada tahun 1303 A.D. lihat dalam **Islamika**, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya oleh Lutpi Ibrahim, Sarjana Enterprise, Kuala Lumpur, 1981, hlm, 81.

<sup>34</sup> Ismail Che Daud, *passim*, hlm, 61.

<sup>35</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005, **Syeikh Ahmad al-Fathani Pemikir Agung Melayu dan Islam**, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, Kuala Lumpur, p.94.

<sup>36</sup> Lihat Dr. Matheson, v. dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 29.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

4. Aqadul Jaman fi 'Aqaid al-Iman

Di dalam buku ini, Syeikh Ahmad membincangkan ilmu Tauhid, Usuluddin dan Fiqh. Buku ini dihasilkan pada 6 Muharram 1306 H/13 September 1888 M. Cetakan pertama oleh Mathba'ah al-Miriyah al-Kainah, Makkah, 1317 H/1899 M.

5. Badarul Taman Wannujum Thawakab

Buku ini mengenai sejarah hidup Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarganya dan para sahabat yang mana mengandungi perjalanan hidup baginda bermula sejak baginda dikandung dan diasuh hingga baginda dilantik menjadi pesuruh Allah sewaktu umurnya 40 tahun. Buku ini turut menyelitkan detik sejarah hijrah Rasulullah S.A.W dan sahabat ke Habsyah dan serta hijrah terbesar dalam Islam ke Madinah hingga terbentuknya negara Islam di Madinah. Buku ini telah siap diterjemah dan dibukukan pada hari Jumaat 9 Rabi'ul-Thani 1307 A.H / 1890 A.D di Makkah.

6. Bahjat al-Mubtadin wa farhat al-Mujtadin

Kitab yang mempunyai 63 muka surat ini membincangkan tentang ilmu Usuluddin dan Fiqh serta menitikberatkan ibadat dan pergaulan sosial. Teks ini didahului dengan perbincangan hadith tentang keperluan ilmu pengetahuan dalam kehidupan yang mencakupi dua epilog penting iaitu etika yang baik dan himpunan Tasawwuf. Buku ini telah siap diterjemah dan dibukukan pada hari Jumaat 13 Rabi'ul-Thani 1310 A.H di Makkah.<sup>37</sup>

7. Bashratul 'Amalin Wandharatul Ghafilin

Teks ini dihasilkan pada malam Ahad, 14 Rabi'ul Akhir 1304 H/10 Januari 1887 M. Tiada perincian mengenainya tetapi dipercayai bahawa teks ini membincangkan mengenai ilmu Tasawwuf.

8. Al-Fatawa al-Fataniyyah

Buku yang mempunyai 220 muka surat ini merupakan himpunan jawapan daripada Syeikh Ahmad sebagai maklum balas beliau terhadap segala persoalan yang dikemukakan oleh Masyarakat Muslim tanah Melayu mengenai persoalan agama. Pandangan dan pendapat Syeikh Ahmad dalam buku ini amat jelas bagi mengupas pelbagai variasi soalan seperti Tauhid, Usuluddin, Fiqh, tatabasa Arab, Nahu Arab, Politik, hubungan sosial dan Tasawwuf. Buku ini merupakan salah satu hasil penulisan beliau yang termasyhur yang ditulis di dalam bahasa Arab dan Melayu. Ini jelas menggambarkan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani sebagai seorang ulama' yang terkemuka di dalam barisan para intelektual Islam. Secara umumnya, buku pertama yang dikelaskan sebagai fatwa ini telah diterbitkan berdasarkan dialog soal jawab melalui sistem persuratan. Buku ini telah dikumpulkan dan dibukukan oleh anak lelaki Syeikh Ahmad iaitu Haji Wan Isma'il bin Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani yang dahulunya merupakan seorang Qadi di wilayah Pattani. Edisi ini telah dicetak oleh syarikat penerbitan yang berpusat di Pattani pada tahun 1377.<sup>38</sup>

9. Faridat al-Fara'id fi 'ilm al-aqa'id

Teks ini merupakan satu risalah pendek yang mempunyai hanya 24 muka surat. Di dalam risalah ini Syeikh Ahmad membincangkan tentang konsep Tauhid (kepercayaan) dan Usuluddin yang mana berdasarkan ajaran Imam ash-Sha'ari. Beliau telah menterjemahkan

<sup>37</sup> *Ibid*, hlm, 30.

<sup>38</sup> *Ibid*, hlm, 30.

risalah ini dari teks yang berbahasa Arab kepada bahasa Melayu mengikut dialek Pattani. Namun terdapat sebahagian frasa dan istilah Arab yang masih dikekalkan. Sebagai contoh masjid dan madrasah. Teks ini telah dijadikan rujukan tetap bagi penggiat ilmu dan masih digunakan sehingga hari ini di Pattani, Yala, Narathiwat dan sebahagian semenanjung Malaysia. Buku ini merupakan hasil penterjemahan beliau yang berjaya disiapkan serta dibukukan pada hari Isnin Rabi'ul Awal 1313 A.H/1895 A.D di Kota Makkah.<sup>39</sup>

#### 10. Hadiqatul Azhar War-Riyyahin

Syeikh Ahmad telah mengupas pelbagai isu khususnya sejarah Islam, kepercayaan, perjalanan hidup Nabi Muhammad s.a.w, sejarah empat pengasas Sekolah Sunni serta persoalan dan jawapan isu-isu agama oleh Imam Al-Shafi'i di dalam buku ini. Buku ini juga meriwayatkan kisah dua orang Nasrani yang cuba untuk menggali makam Rasulullah s.a.w. Selain daripada itu Shaykh Ahmad juga membincangkan mengenai ilmu Fiqh, Usul al-Fiqh, teori perubatan dan menyentuh aspek Akhlak dan masalah pergaulan sosial. Karya ini telah diterjemah dan selesai dibukukan pada hari Sabtu 15 Sya'ban 1307 A.H/1887 A.D di Makkah.

#### Jamanat al- Tauhid

Buku ini telah ditulis pada tahun 1293 H/1876 M di Mesir. Buku ini disalin semula pada malam Ahad, jam 8.12, pada 27 Ramadhan 1312 H/24 Mac 1895 M. Persoalan Tauhid dan Usuluddin menjadi tema karya perbincangan beliau dalam buku ini. Beliau juga menegaskan bahawa beliau bermazhab Syafi'ie dalam fiqh, Ahli Sunnah Wal Jama'ah dalam aqidah dan berthariqat dengan Thariqat Syatariyah dalam tasawwuf.

#### 12. Laqatul Ijlan fi Matamas Aliyah Hajat al-Insan

Buku ini menerangkan keistimewaan al-Quran, rahsia nama-nama Allah dan do-doa pilihan. Teks ini juga berhubung dengan rawatan perubatan psiko berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang terbukti sebagai penyembuh segala macam penyakit. Buku yang mempunyai 30 muka surat ini telah diterjemahkan dan siap dibukukan pada hari Selasa 20 Ramadhan 1301 A.H/1889 A.D di Makkah.

#### 13. Matn al-Mudakhil fi 'Ilm al-Sarf

Buku ini dipercayai membincangkan tatabahasa Arab dan yang berkenaan dengannya.

#### 14. Minhaj al-Salam fi Sharhi Hidayatul Awamm

Shaykh Ahmad membincangkan tentang ilmu Tasawwuf, Usuluddin dan konsep keimanan mengenai buku ini. Buku ini dihasilkan pada hari Jumaat, 9 Jamadil Awwal 1306 H/12 Januari 1889 M di Makkah.

#### 15. Mir'at al-'Ajaib

Menurut Wan Mohd Shaghir Abdullah di dalam bukunya yang bertajuk 'Sufi dan Wali Allah yang mencatatkan bahawa buku ini membincangkan tentang ilmu Tasawwuf. Ianya merupakan tindak balas daripada pertanyaan Raja Kelantan yang berkenaan dengan tarekat yang dibawa dari Negeri Sembilan oleh Haji Encik 'Id bin Haji Encik Din Linggir, yang menjadi kontroversi dan kekeliruan dalam masyarakat Kelantan ketika itu <sup>40</sup>(untuk keterangan lanjut mengenai buku ini sila rujuk lampiran C).

<sup>39</sup> *Ibid*, hlm, 29.

<sup>40</sup> Lihat pada contoh, Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sufi dan Wali Allah**, *passim*, hlm, 17-65.

16. Sa'adat al-Muttanibah

Buku ini dipercayai turut membincangkan mengenai ilmu Tasawwuf.

17. Puisi dan Nasihah, (dua karya dalam bahasa Melayu dan Arab)

Syeikh Ahmad banyak membukukan karya penulisannya yang berbentuk puisi dan nasihat Contohnya Tashil nail al-Amaniy, Hadiqatul Azhar war-Riyyahin, Badarul Taman Wannujum Thaawakab dan sebahagian puisi yang ditulis dalam bahasa Melayu. Puisi-puisi Melayu ini banyak memuji tentang penulis kitab Hidatayatul Salikin iaitu Shaykh Abdus Samad al-Falembani.

18. Tashil nail al-Amaniy fi Sharh Awamil Jurjani.

Teks ini mempunyai 36 muka surat yang mengetengahkan ilmu Nahu Arab yang dicetak dalam bahasa Arab. Teks ini telah mendapat sambutan yang di semua pelusuk tanah Arab dan dipercayai menjadi buku rujukan oleh para pelajar di universiti Al-Azhar Mesir. Teks ini telah berjaya disiapkan pada 2 Rabi'ul-Awal 1300 A.H./1884 A.D. di Makkah dan telah diterbitkan di Cairo, Mesir.<sup>41</sup>

19. Tibb al-Ahsan fi Tibb al-Insan.

Teks ini berhubung kait dengan ilmu perubatan hasil penulisan ilmiah Syeikh Ahmad. Ternyata beliau bukan sahaja berupaya mengupas dengan baik segala persoalan dan isu agama tetapi juga mampu menghasilkan teori perubatan berdasarkan pengamatannya. Namun ada juga yang berpendapat bahawa beliau merupakan ahli fizik Muslim pertama pada zaman itu. Teks ini mengandungi pelbagai teori sains perubatan dan kajian sainsnya ke atas tubuh badan manusia termasuklah perkembangan dan permasalahan mental dan kajian mengenai darah, hempedu, bendalir dalam badan, denyutan jantung, warna yang mempengaruhi air kencing, rongga hidung, jerawat, masalah mata, sistem penghadaman, masalah kulit dan lain-lain lagi.

Selain bergelar ulama yang terkemuka di dunia Melayu Islam, Syeikh Ahmad juga melakukan satu penyelidikan perubatan mengenai tumbuhan herba semulajadi yang banyak terdapat di Kepulauan Melayu. Beliau telah mengumpulkan maklumat tentang penemuan sesuatu tumbuhan yang boleh dimanfaatkan dan menulis buku mengenainya. Teks Tibb al-Ahsan fi Tibb al-Insan ini telah dapat disiapkan pada hari Isnin, 3 Dhulhijjah 1312 A.H./1893 A.D. di Makkah.

Hasil karya penulisan Syeikh Ahmad kebanyakannya ditulis tangan yang mana dipercayai tersimpan di rumah anaknya sendiri iaitu Haji Wan Ismail bin Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani yang pernah memegang jawatan sebagai Qadi di daerah Pattani yang menetap di Kampung Jambu, daerah Jaring. Walaubagaimanapun, kesemua manuskrip beliau telah dimusnahkan oleh cucu perempuannya yang mana tidak pernah mengenal tulisan jawi dan Arab serta tidak mengetahui kepentingan manuskrip tersebut.<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Lihat utk contoh: Hurgronje, C.S., *passim*, hlm, 286.

<sup>42</sup> Haji Ismail bin Hawan dulunya seorang Kadi di Yala, penulis pernah menemuramah dengan beliau dirumahnya di Yala pada 5 Jun 1987.

## **Pemikiran Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani Tentang Pendidikan Di Dunia Melayu.**

Seerti yang telah dijelaskan sebelum ini, penduduk Pattani tidak berminat untuk menuntut ilmu dan mengubah taraf hidup mereka. Namun kemunculan semula Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani telah berjaya membuka minda ramai penduduk untuk mengubah, membaiki dan meningkatkan tahap keilmuan mereka. Setelah beliau merantau ke pelbagai negara di kepulauan Melayu dan Timur Tengah, beliau dapat membuat kesimpulan bahawa dunia Melayu jauh ketinggalan dari segi ilmunya jika dibandingkan dengan Mesir dan Turki. Keadaan ini sungguh membimbangkan beliau. Oleh itu beliau telah melahirkan pemikiran-pemikiran yang bertujuan untuk menarik golongan Melayu untuk menuntut ilmu.

Beliau menuntut raja- raja Melayu supaya memainkan peranan mereka dengan membina madrasah-madrasah atau pondok-pondok untuk kemudahan rakyat menuntut ilmu. Beliau dengan berani menyatakan pendapat ini kerana seperti yang telah diperjelaskan sebelum ini, beliau mempunyai hubungan baik dengan raja-raja Melayu seperti raja Kelantan, Terengganu, Kedah, Pattani, Johor, Deli dan sebagainya.

Selain itu, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani juga bercita-cita untuk menempatkan kedudukan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa-bangsa lain yang telah mencapai tahap yang tertinggi. Jika dilihat, bangsa Melayu sudah boleh mencapai tahap itu kerana ramai ulama Melayu yang masyhur di peringkat antarabangsa antaranya Syeikh Abdus Shamad al-Falimbani, Syeikh Daud bin Abdullah Al-Fathani ( kedua-dua ulama' ini mengajar dan berperanan di kota Makkah), Syeikh Nawawi al-Bantani (Imam Nawawi as-Thani), Syeikh Ahmad Khatib minangkabau dan Syeikh Muhammad Mahfuz at-Tarmasi. Tetapi ini tidak cukup untuk menjadikan bangsa Melayu pada tahap yang teratas sekali berbanding bangsa lain. Akhir kalamnya di dalam buku Hadiqatul Azhar beliau telah menulis “ dan bertambah nyata agama mereka itu atas segala agama “ iaitu bermaksud agama Islam bertambah nyata di dunia Melayu kerana orang Melayu sejak dahulu telah memeluk Islam dan mengamalkan ajarannya. Demikianlah cita-cita dan perjuangan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani.

## **Pemikiran-Pemikiran Dan Ilmu-Ilmu Lain Yang Turut Dibicarakan oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani.**

Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani dikatakan menguasai 47 bidang ilmu pengetahuan<sup>43</sup>. Oleh itu, terdapat banyak pemikiran-pemikiran dan ilmu-ilmu lain yang turut dibicarakan olehnya. Kebanyakan pemikiran-pemikiran dan ilmu-ilmu ini terdapat dalam tulisan- tulisan beliau samaada yang sudah di cetak atau masih dalam bentuk manuskrip. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Pemikiran tentang Melayu
2. Pemikiran bahasa Melayu dan persuratannya
3. Pemikiran tentang Fathani Darussalam

<sup>43</sup> Wan Mohammad Shaghir Wan Abdullah, *Kepelbagaian Pemikiran dan Perjuangan Syeikh Ahmad Al-Fathani: kesan dahulu dan sekarang*, Ins: Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd Zain, Kelantan: Kompleks Balai Islam Lundang Kota Bharu.

4. Pemikiran bidang percetakan dan penerbitan kitab-kitab
5. Pemikiran siasah/politik dan pentadbiran
6. Pemikiran tentang sains dan teknologi
7. Pemikiran tentang falsafah
8. Pemikiran tentang waktu
9. Pemikiran tentang pendidikan
10. Pemikiran dan penulisan thib/ perubatan
11. Pemikiran tawarikh/ sejarah
12. Pemikiran falak
13. Pemikiran hisab
14. Pemikiran dan penulisan 'aqidah/ ilmu tauhid
15. Pemikiran dan penulisan fiqh
16. Pemikiran tentang usul fiqh
17. Pemikiran dan penulisan tasawwuf dan thariqatnya
18. Pemikiran dan penulisan hadith termasuk tentang mustalah dan rijalnya
19. Pemikiran dan penulisan terjemahan dan tafsir al-Quran
20. Pemikiran tajwid dan qiraah al-Quran
21. Pemikiran dan penulisan hikmah
22. Pemikiran dan penulisan rohani
23. Pemikiran dan penulisan afaq
24. Pemikiran dan penulisan nahwu
25. Pemikiran dan penulisan sharaf
26. Pemikiran dan penulisan balaghah
27. Pemikiran dan penulisan ilmu 'arudh dan qawafi
28. Penulisan ilmu khat
29. Penulisan ilustrasi (hiasan kulit kitab dan ukiran pada halaman tertentu)

30. Penulisan ilmu geografi
31. Penulisan puisi(nazam dan syair) dalam bahasa Melayu
32. Penulisan puisi(nazam, syair dan qashidah) dalam bahasa arab
33. Penulisan filologi
34. Pemikiran dan penulisan peristilahan/ terminology
35. Pemikiran dan penulisan kemasyarakatan/ sosiologi
36. Pemikiran dan penulisan perbandingan agama
37. Pemikiran dan penulisan psikologi
38. Catatan ilmu firasat
39. Catatan ilmu tijarah/ ekonomi
40. Catatan ilmu astronomi
41. Catatan ilmu astrologi
42. Catatan ilmu kimia
43. Catatan jenis tumbuh-tumbuhan di dunia Melayu

### **Pemikiran Siasah/ Politik Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain**

Perjuangan keilmuan dan pemikiran Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain adalah bersifat kepentingan umat Islam seluruh dunia tetapi kebanyakannya dikhususkan untuk dunia Melayu sahaja. Ini dapat kita kaitkan dengan potongan doa ketika perlantikan Sultan Mansur sebagai sultan Kelantan. Telah berkata Syeikh Ahmad al-Fathani :

“ dan kami pohonkan Dikau pula dengan hormat segala yang tersebut itu, bahawa Engkau sentosakan dia, negerinya, rakyatnya dan segala negeri Melayu dan raja-rajanya daripada segala kejahatan kuffar dan itu daya mereka itu. Dan tegahkanlah hai Tuhanku daripada masuk mereka itu, kuffar, ke negeri Kelantan dan segala negeri Melayu dengan merintah padanya barang perintah ada ia. Bahkan tegahkan daripada masuk mereka itu kepadanya sama sekali”<sup>44</sup>

Daripada potongan doa itu, jelas menyebut tentang sultan Mansur dan negerinya, Kelantan. Namun beliau juga ada menyebut negeri Melayu lain dan raja-rajanya. Doa ini juga cukup jelas memohon pada Allah agar terhindar daripada ancaman musuh iaitu orang-orang kafir.

Perkataan-perkataan yang digunakan oleh Syeikh Ahmad al-Fathani menjurus kepada pemikiran siasah/ politik orang Melayu agar berada di bawah keredhaan Allah. Menurut beliau hukum mempelajari siasah/ politik adalah fardhu kifayah. Ilmu siasah yang dipelajari dapat

---

<sup>44</sup> Hj.Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1992, *passim*, p.110  
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

membantu rakyat dengan menunjukkan mereka sesuatu yang hak (benar) daripada sesuatu yang batil. Menunjukkan kepada mereka jalan yang benar dunia dan akhirat.

Siasah/ politik para anbia' bermula dari nabi Adam hingga nabi yang terakhir nabi Muhammad S.A.W adalah sama iaitu perjuangan menerapkan tauhid adalah yang pertama. Ia terhimpun di dalam dua perkara iaitu zikir dan fikir. Dua konsep siasah/ politik untuk umat Nabi Muhammad iaitu:

1. Memperjuangkan tauhid / aqidah seperti yang dilakukan oleh para anbia' termasuk Nabi Muhammad S.A.W.

2. Memperjuangkan syariat yang telah diperintahkan oleh Allah Taala kepada Nabi Muhammad S.A.W.

Syeikh Ahmad Al-Fathani merupakan seorang ulama' yang memahami siasah/ politik dan seorang mujahid yang benar-benar bertanggungjawab terhadap Islam dan bangsa Melayu. Oleh itu beliau menegaskan agar orang Islam bersungguh-sungguh mempelajari siasah/ politik dan berusaha untuk mengajarkannya pada anak-anak agar dapat mendirikan segala hukum syarak seperti yang telah disyariatkan oleh Allah. Kesimpulannya, walau apa jua keadaan sekalipun; hukum syarak, Syari'ah dan undang-undang Islam wajib diperjuangkan, diamalkan dan dilaksanakan.

### **Peranan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani Sebagai Seorang Pendidik**

Langkah permulaan Syeikh Ahmad di Makkah adalah merupakan sebahagian daripada komuniti kecil para pelajar dari selatan timur Asia yang telah datang ke sana untuk mendapatkan khidmat guru-guru terbilang. Sebelum Syeikh Ahmad berada di barisan ulama' terkemuka Pattani, kota Makkah telah membariskan para ulama' terdahulu yang menjadi ikon terunggul bagi para pelajar di institusi pendidikan ini seperti Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani, Syeikh Zain al-Abidin bin Muhammad Al-Fatani dan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud Al-Fatani. Oleh itu, Shaykh Ahmad merupakan individu yang meneruskan kesinambungan ilmu di sana dan telah membina satu kumpulan ulama' yang berpengaruh yang mampu mencetuskan satu fenomena budaya ilmu sekembalinya mereka ke wilayah Pattani.

Tidak hairanlah sekiranya pengaruh Syeikh Ahmad mampu menarik minat ramai pelajar-pelajar yang mampu berbahasa Melayu terutamanya mereka yang datang dari Pattani dan Kelantan untuk melanjutkan pelajaran di akhir kurun ke 19. Kenyataan ini menunjukkan personaliti Syeikh Ahmad yang mempunyai karektor istimewa jika dibandingkan dengan ulama'-ulama' Pattani yang terdahulu. Selain itu, beliau gemar membincangkan aspek politik dan amat gemar membaca surat khabar setiap hari bagi menambahkan ilmu di dada. Beliau menyimpan cita-cita untuk melihat kerajaan Melayu Islam dapat dibangunkan di daerah Pattani, Kelantan dan Terengganu. Beliau pernah berhubung dengan kerajaan Turki untuk meminta sokongan dan bantuan ke atas negeri Kelantan untuk menentang kuasa Siam. Beliau juga mempunyai hubungan baik dengan masyarakat muslim Champa di Kemboja yang mana keadaan ini menggalakkan mereka untuk membina satu wilayah mereka sendiri.

Bercerita mengenai minatnya yang gemar membaca surat khabar dan gemar menyertai perbincangan politik, minatnya itu dipengaruhi oleh kerja-kerja Syeikh Abdullah yang banyak

menulis buku-buku yang membicarakan konsep jihad di dalam hasil kerjanya yang bertajuk “*Al-Fatawa Al-Fataniyyah*” (Fatwa no. 44 dan 80). Syeikh Ahmad juga turut membicarakan tentang isu politik dan jihad melalui penulisannya. Tambahan lagi, Syeikh Ahmad begitu berminat dengan idea Syeikh Muhammad Abduh iaitu mengenai asas pembinaan Islam dan politik. Syeikh Ahmad juga sebaya dengan Syeikh Muhammad Abduh yang dahulunya juga seorang ulama' di Makkah dan yang terakhirnya menjadi ulama' di Mesir.<sup>45</sup> Menurut Dr. Matheson dan M.B Hooker mengatakan bahawa kemunculan Syeikh Ahmad boleh digambarkan sebagai seorang sarjana agama yang mampu meluaskan sesuatu yang sempit di abad ke-19 dan begitu berminat mengenai situasi kehidupan politik moden, sejarah dan aktif melibatkan diri dalam kerja-kerja dibidang pencetakan.<sup>46</sup>

Pelbagai idea yang telah dicetuskan oleh beliau telah mempengaruhi sebahagian para pelajarnya yang turut berminat meneruskan pengajaran beliau. Oleh kerana itu, beliau secara tidak langsung telah membentangkan polisi baru dan memperkenalkan institusi pendidikan pondok di Pattani, Kelantan dan beberapa tempat di luar Malaysia.<sup>47</sup> Di awal penubuhan sistem pendidikan Pondok ini, para pelajar telah diberi keutamaan untuk mendalami ilmu nahu Arab dan ilmu Fiqh tetapi sistem yang mula diperkenalkan itu masih tidak dapat diorganisasikan dengan baik. Namun, keadaan itu telah berubah setelah sistem pengurusan institusi ini telah diambil alih oleh para pelajar Syeikh Ahmad yang begitu komited untuk memperluaskan lagi sistem pendidikan pondok itu.<sup>48</sup>

Syeikh Ahmad Khatib dari Minangkabau, Indonesia merupakan rakan sebaya Syeikh Ahmad yang telah berjuang bersama-sama menuntut ilmu di masjid al-Haram di Makkah dan mendapat didikan dari para golongan ulama' yang berpengetahuan luas. Oleh kerana itu, hampir kesemua pelajar dari semenanjung Melayu dan Indonesia telah mendapat sentuhan ilmu ditangan para ulama' unggul yang bermazhab Shafi'i.<sup>49</sup> Diantara para pelajar yang mendapat didikan daripada Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan Shaykh Ahmad Khatib Minangkabau dari Indonesia<sup>50</sup> adalah Syeikh Hasan Ma shum Medan-Deli (1355 A.H.), Syeikh Muhammad Sa'ad Munqa (1339 A.H.), Syeikh Mustafa Husein Mandailing (1379 A.H.) dan Syeikh Sulaiman ar-Rasuli Candung (1390 A.H.) Biografi lanjut mengenai tokoh-tokoh di atas boleh didapati melalui para pelajarnya dan melalui tugas ilmiah mereka di Kelantan yang mana di bawah pengelolaan Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan.<sup>51</sup> Pelajar-pelajar Syeikh Ahmad bin Muhammad bin Al-Fatoni juga datang dari pelusuk luar dari Semenanjung Melayu diantaranya:

<sup>45</sup> Lihat: Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-Tokohnya di Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 20-21.

<sup>46</sup> Dr. Matheson, V dan M.B. Hooker, *passim*, hlm 29.

<sup>47</sup> Lihat: Hassan H, *passim*, hlm, 54.

<sup>48</sup> *Ibid*, hlm, 55.

<sup>49</sup> Abbas Siradjuddin, K.H. *passim*, hlm, 451.

<sup>50</sup> *Ibid*, hlm, 452.

<sup>51</sup> Nik Abdul Azizi bin Haji Nik Hassan, *passim*.

***Tuan Abdus Samad bin Muhammad Saleh Al-Kelantani (juga dikenali sebagai Tuan Tabal).***<sup>52</sup>

Beliau telah dilahirkan di daerah Tabal sekitar tahun 1840 A.D dan meninggal dunia pada tahun 1891 A.D. Daerah Tabal dulunya adalah merupakan wilayah Kelantan tetapi selepas perjanjian Siam-Anglo pada tahun 1909 Tabal telah menjadi sebahagian daripada daerah Thailand. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab membawa latihan agama di pondok Pattani. Pada waktu itu Pattani merupakan Pusat Pengajian Islam di semenanjung Melayu yang sangat berpengaruh. Selepas itu beliau telah melanjutkan pelajaran ke kota Makkah dan menurut sumber yang dipercayai bahawa beliau pernah mendapat didikan dari Syeikh Ahmad.<sup>53</sup> Tuan Abdus Samad bin Muhammad Saleh Al-Kelantani merupakan seorang pejuang Islam melalui karya-karya penulisannya. Di antara buku-buku yang beliau hasilkan ialah:<sup>54</sup>

- a. Bab Harap, kitab Tasawwuf.
- b. Munyatu Ahli'l Qubah fi Bayani't Taubah, Tasawwuf.
- c. Munabbuhu'l Ghafilin, Tasawwuf.
- d. Minhatal'l Qarib, Usuluddin, Fiqh dan Tasawwuf.
- e. Bi Kifayatul Awam, Usuluddin dan sifat dua puluh.
- f. Bidayatul Ta'llim, membincangkan prinsip Islam dan kewajipan agama terhadap individu Muslim (fardhu ain).
- g. Jalal-Qulub, membincangkan tentang ilmu Tasawwuf (teks ini merupakan hasil penulisannya yang terbesar).

***Muhammad Yusuf bin Muhammad (dikenali sebagai Tok Kenali).***

Beliau dilahirkan pada tahun 1868 A.D di Kampung Kerian, Kota Bharu Kelantan dan telah menemui Tuhannya pada 19 November 1933. Beliau mendapat pendidikan secara tidak formal melalui datuknya. Setelah beliau menjangkau umur 10 tahun beliau telah mengembara ke bandar-bandar besar dan pada waktu itu tempat yang telah dituju ialah masjid Kota Bharu yang mana di sana terdapat ramai guru agama yang kebanyakan daripada mereka datang dari luar negara.<sup>55</sup>

Pada tahun 1886 A.D Tok kenali telah pergi ke Makkah untuk melanjutkan pelajarannya bersama Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa Al-Fatoni dan Syeikh Muhammad Ismail Daud Al-Fatoni. Menurut sumber yang dipercayai beliau telah mempelajari 24 bidang ilmu daripada Syeikh Ahmad. Menurut Dr. Matherson dan M.B Hooker, Syeikh Ahmad telah dianggap sebagai seorang guru yang inovatif dan unik. Syeikh Ahmad merupakan ulama'

<sup>52</sup> El-Muhammady Muhammad Uthman, 1976, **Peradaban dalam Islam**, Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia, hlm, 246-276; c.f. Nic Abdul Azizi bin Haji Nik Hassan, *passim*, hlm, 38-44.

<sup>53</sup> Lihat: El-Muhammady Muhammad Uthman, *Ibid*, hlm, 247.

<sup>54</sup> *Ibid*, hlm, 248-249.

<sup>55</sup> Lihat: Abdullah al-Qari b. haji Salleh, *passim*, hlm, 89.

Melayu pertama di Makkah yang menggalakkan para pelajarnya membaca surat khabar supaya mereka dapat mengetahui maklumat semasa dan mengikuti fenomena politik dunia.<sup>56</sup>

Selepas 20 tahun Tok Kenali belajar di Makkah, beliau telah mengikut gurunya, Shaykh Ahmad pergi ke Mesir dan menjadi sebagai orang suruhannya. Di sana Tok Kenali telah mendalami ilmu agama di Universiti Al-Azhar selama dua tahun. Sepanjang pengajian beliau di sana beliau telah mempelajari tentang kesusasteraan Arab yang merangkumi ilmu Nahw, Sorf, Balaghah dan ilmu agama yang lain seperti Fiqh dan Tasawwuf. Beliau mempunyai kepakaran dalam ilmu Nahu dan namanya mula harum di Selatan Timur Asia kepulauan Melayu.<sup>57</sup>

Pada tahun 1915 A.D, Tok Kenali telah kembali ke pangkuan tanah tumpah darahnya, Kelantan dan meminta kebenaran dari Sultan Muhammad IV untuk mendirikan satu institusi yang diberi nama Majlis Ugama Islam. Dalam masa yang sama beliau telah membuka institusi pengajian pondoknya sendiri yang dikenali sebagai pondok Tok Kenali dan aktif menulis jurnal *pengasuh*. Tok Kenali merupakan pelajar kesayangan Syeikh Ahmad dan menggelarkan dirinya sebagai '*Mentari Kelantan*' yang disifatkan sebagai penyuluh kegelapan di seluruh Kelantan.<sup>58</sup> Tok Kenali merupakan ulama' Kelantan yang hebat yang mana meneruskan usaha perjuangan Syeikh Ahmad dalam memperhebatkan rencana Islam di Tanah Melayu dan mengubah fenomena politik Melayu ketika itu.<sup>59</sup>

#### ***Haji Wan Musa bin Haji Samad bin Tuan Tabal.***

Beliau telah dilahirkan di Lorong Tok Semain, Kota Bharu Kelantan pada tahun 1874 A.D. dan telah meninggal dunia pada tahun 1939 A.D. Beliau merupakan anak lelaki Haji Abdul Samad bin Muhammad Salih al-Kelantani yang mana mendapat pendidikan awal melalui ayahnya di rumah.<sup>60</sup> Selepas itu beliau telah melanjutkan pelajaran ke Kota Mekah dan berguru dengan Syeikh Ahamad bin Muhammad Zain al-Fatani. Kemudiannya beliau telah kembali semula ke Kelantan pada tahun 1908 dan dilantik menjadi mufti setelah kematian mufti Kelantan, Haji Nik Wan Abdullah. Walaubagaimanapun pada tahun 1916 beliau telah dipaksa untuk melepaskan jawatan tersebut kerana perbezaan ideologi di antara beliau dan Sultan Muhamad 1V mengenai isu mengenai warisan peninggalan harta.<sup>61</sup>

#### ***Haji Ibrahim<sup>62</sup>***

Haji Ibrahim dahulunya adalah seorang mufti besar Kelantan di sekitar tahun 1927 hingga 1941 A.D. Beliau dilahirkan pada tahun 1872 dan telah meninggal dunia pada tahun 1952. Keluarganya telah berpindah dari Minangkabau, Indonesia dan menetap di Kota Bharu

<sup>56</sup> Lihat: Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, *Sejarah Ringkas al-Alim al-Allamat al-Syakhh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani*, *passim*, hlm, 6-7.; c.f, Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, 1860, **Pendekatan pengajaran Islam di negeri Kelantan di antara tahun 1860 hingga 1940**, dalam majalah dari segi sejarah,11, hlm,54. lihat juga Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, **Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan**, *passim*, hlm, 100.

<sup>57</sup> Lihat: Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, **Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan**, *Ibid*, hlm, 50-51.

<sup>58</sup> Lihat: Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, **Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan**, *passim*, hlm, 57-65.

<sup>59</sup> Lihat Dr. Matheson, V dan M.B. Hooker, *passim*, hlm, 28.

<sup>60</sup> Lihat: Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Hassan, **Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan**, *passim*, hlm 57-65.

<sup>61</sup> *Ibid*, hlm, 60; lihat juga Muhamad Salleh B. Wan Musa, *Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad dan Keluarganya*, dalam W.R. Roff (ed) 1974, **Kelantan: Agama, Sosial dan politik di Tanah Melayu**, Kuala Lumpur, Oxford University Press, hlm, 155-156.

<sup>62</sup> *Ibid*, hlm,65-66.

Kelantan. Beliau mendapat pendidikan awal secara tidak formal dari keluarganya kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Makkah di bawah didikan Syeikh Ahmad. Kemudiannya beliau kembali semula ke Kota Bharu dan menetap sementara di Kampung Banggol sebelum beliau berhijrah ke Taman Sekebun Bunga, Kota Bharu Kelantan. Haji Ibrahim pernah berkata beliau ingin menjadi seorang cendekiawan dalam ilmu Fiqh dan Tasawwuf. Beliau kemudiannya telah pergi ke Kemboja untuk menyebarkan agama Islam. Ketokohan dan kepimpinan Haji Ibrahim banyak dipengaruhi oleh gurunya Shaykh Ahmad yang mana mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Champa. Haji Ibrahim berkebolehan bertutur dalam bahasa Kemboja dengan fasihnya. Sebagaimana ulama'-ulama' terdahulu, Syeikh Ibrahim juga banyak menghasilkan buku mengenai Islam sebagai contoh Kitab Jiwa Amalan dan Kitab Kawa'id al-Dunya wal-Akhirah.

***Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan, 1915-1945 A.D.)<sup>63</sup>***

Beliau telah dilahirkan dalam satu keluarga yang dihormati di Kelantan pada tahun 1880 A.D dan telah meninggal dunia pada tahun 1964 A.D. Beliau telah dididik dan menerima latihan keagamaan terawal di rumahnya di bawah asuhan ayahnya dan kemudiannya telah pergi ke Makkah untuk belajar bersama Syeikh Ahmad. Nik Mahmud dan Muhammad Yusuf (Tok Kenali) telah mengatakan bahawa mereka telah belajar selok belok politik di bawah ajaran Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Selepas Nik Mahmud kembali dari Makkah beliau tidak mempunyai banyak masa untuk mengajar agama Islam kerana telah menggalas tanggungjawab sebagai Perdana Menteri Paduka Raja di Kelantan.

Beliau juga salah seorang yang mencadangkan penubuhan Majlis Ugama Islam dan adat istiadat Melayu. Di atas nasihat Tok kenali pada tahun 1915 A.D Majlis Ugama Islam dan adat istiadat Kelantan telah ditubuhkan. Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail merupakan orang yang penting dalam melopori kemunculan ulama' dan pemikir Muslim yang baru di Kota Bharu, Kelantan seperti Tok kenali, Haji Ibrahim, Haji Ali Sallehudin dan En. Yakob Ligor. Walaubagaimanapun, beliau merupakan seorang pelopor dalam bidang filosofi Islam dan berorganisasi di Kelantan. Haji Nik Mahmud dipengaruhi oleh tiga ulama' terhebat iaitu Shah Wali Alah Al-Dehlawi (Delhi), Maulana Abdullah Al-Sindi dan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani. Minat Syeikh Ahmad untuk membincangkan isu politik dan membaca surat khabar telah mempengaruhi tiga orang pelajarnya iaitu Tok Kenali, Haji Nik Mahmud bin Haji Nik Ismail dan Haji Wan Musa bin Haji Abdus Samad. Surat khabar yang menjadi bacaan kegemaran mereka ialah Al-Iman dan Saudara.<sup>64</sup>

***Haji Nik Wan Abdullah bin Abdus Samad bin Muhammad Saleh Al-kelantani.<sup>65</sup>***

Beliau merupakan abang kepada Haji Wan Hassan Kemuja (Cambodia) semasa zaman Tok Semian. Beliau dilahirkan pada tahun 1877 A.D dan meninggal dunia pada 1926 A.D. Sebagaimana abangnya beliau juga mendapat pendidikan awal secara tidak formal daripada ayahnya iaitu Tuan Tabal dan turut melanjutkan pelajaran ke Makkah dan berguru dengan Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani. Haji Nik Wan Abdullah telah mempelajari ilmu Tasawwuf, Fiqh dan Usuluddin. Beliau merupakan pengikut tarekat Ahmadiyyah. Beliau

<sup>63</sup> *Ibid*, hlm, 93-98.

<sup>64</sup> *Ibid*, hlm, 139.

<sup>65</sup> *Ibid*, hlm, 177.

juga pernah menjadi khatib di masjid Muhammadiyyah di Kota Bharu Kelantan di antara tahun 1908 hingga 1916 A.D.

***Haji Wan Ahmad Kamuja (Cambodia)***<sup>66</sup>

Didikan awal beliau adalah daripada ayahnya sendiri iaitu Haji Awang dan selepas itu melanjutkan pelajaran ke Makkah untuk belajar bersama Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain Al-Fatani. Apabila beliau kembali ke Kelantan beliau telah mengajar di surau ayahnya di jalan atas Banggol. Kadangkala beliau turut pergi bertandang ke Kemboja untuk menyebarkan ajaran Islam dan meninggal dunia di sana. Jenazahnya telah dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Puteri berhampiran dengan Masjid Phnom Penh di ibu negeri Kemboja.

***Shaykh Muhammad Sa'id***

Beliau merupakan mufti senior di Negeri Sembilan, Malaysia dan juga dikenali sebagai Manusia Suci.<sup>67</sup>

***Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdur Rahman Al-Fatani (Shaykhul Islam Kerajaan Selangor)***<sup>68</sup>

Syeikh Ahmad mempunyai para pelajar dari seluruh pelusuk nusantara seperti di Indonesia, Kemboja dan dari tanah kelahirannya sendiri, wilayah Pattani. Sebagai contoh Datuk Seri Paduka Raja, ulama' besar di Kalimantan dan Khatib Jabar yang telah menjadi maharaja imam di Sambas di Kalimantan Barat merupakan anak murid beliau yang berasal dari Indonesia. Manakala pelajar-pelajar beliau yang datangnya dari Kemboja ialah Haji Muhammad Salleh yang telah menjadi Qadi besar di Kemboja, Tengku Sulaiman dan Haji Abdul Hamid. Menurut catatan sejarah pelajar-pelajar Syeikh Ahmad yang datang dari Kemboja telah membangunkan institusi pondok dan menjadi guru agama di Pattani dan Malaysia. Oleh itu, nama beliau sentiasa disebut-sebut di seluruh pelusuk nusantara sebagai ulama' yang sangat berpengaruh pada ketika itu.

Para pelajarnya yang berasal dari Pattani dapat dibahagikan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama ialah mereka yang datang bersama keluarga mereka dan kumpulan kedua ialah mereka yang datang tanpa keluarga. Di antara para pelajar yang merupakan ahli kerabat beliau ialah Syeikh Daud bin Mustafa bin Muhammad al-Fatani. Pakcik Syeikh Ahmad, Haji Wan Ismail bin Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (anak Syeikh Ahmad), Syeikh Ismail bin Abdul kadir bin Mustafa al-Fatani (sepupu Syeikh Ahmad), Daud bin Ahmad bin Daud bin Mustafa Al-Fatani, merupakan cucu Syeikh Daud yang menjadi di antara penulis yang turut menyumbangkan buah fikiran dan membantu menterjemahkan Kitab Fatawa al-Fataniyyah dan beberapa orang lagi yang mempunyai talian darah dengan Syeikh Ahmad.

Dikalangan para pelajar Syeikh Ahmad yang tiada talian darah dengan beliau ialah Syeikh Muhammad Sulong bin Abdul Kadir bin Muhammad al-Fatani yang turut menjejaki minat Syeikh Ahmad dalam membincangkan isu politik dan dunia Islam dalam skop yang lebih luas. Beliau yang lebih dikenali sebagai Haji Sulong al-Fatani mempunyai peranan dan kegiatannya

<sup>66</sup> *Ibid*, hlm, 177.

<sup>67</sup> Lihat: Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sejarah Ringkas al-Alim al-Allamat al-Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani**, *passim*, hlm, 8.


<sup>68</sup> Untuk keterangan lanjut mengenainya, sila rujuk Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, **Sheikh Daud b. Abdullah al-Fatani: Penulis Islam Produktif Asia Tenggara**, *passim*, hlm, 10.

yang tersendiri dalam arena politik di wilayah Pattani dan rantau nusantara. Kesemua pelajar dan pengikut Syeikh Ahmad memainkan peranan yang besar dalam membangunkan dan mengukuhkan tugu Islam di daerah Pattani dan sebahagian kepulauan Melayu. Walaupun sudah seabad sejarah ulama'-ulama' ini dibukukan, namun kesan dan pengaruh ajaran mereka masih berpanjangan dan diteruskan oleh pengikut-pengikut mereka dan dipelihara dari generasi ke generasi. Hasil tulisan ulama'-ulama' ini seperti Syeikh Daud bin Abdullah bin Idris al-Fatani, Syeikh Zain al-Abidin bin Muhammad al-Fatani dan Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani masih menjadi rujukan di institusi pondok dan madrasah yang menjadi lambang keunggulan ilmu dan islam yang sentiasa dipelihara dari zaman ke zaman di seluruh pelusuk nusantara.

Diantara buku yang menjadi karya teragung yang dijadikan teks rujukan sepanjang zaman ialah Kitab al-Fatawa al-Fataniyyah iaitu hasil penulisan ulama'-ulama' Patani. Walau sudah beratus-ratus tahun peninggalan ulama'-ulama' unggul ini, namun karya penulisan mereka masih segar kerana kandungannya seolah-olah merintis masa dan waktu dan mencetuskan pelbagai idea baru dalam dunia millenium Islam kini. Bakat dan ketokohan Syeikh Ahmad benar-benar diperakui oleh sebahagian ulama' dan wajar menjadi ikon dalam mencetuskan idea dan pandangan baru bagi kepentingan agama dan bangsa. Lontaran idea dan pemikiran beliau yang bagaikan merintis masa dan waktu membuatkan dirinya sentiasa disanjung dan dihormati hingga hari ini.

# SALASILAH SYEIKH AHMAD BIN MUHAMMAD ZAIN BIN MUSTAFA BIN MUHAMMAD AL-FATANI

Wan Mustafa Bin Muhammad Al-Fatani.



## Rujukan

- [http://www.geocities.com/traditionalislam/syaikh\\_ahmad\\_alFatani.htm](http://www.geocities.com/traditionalislam/syaikh_ahmad_alFatani.htm)
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1992, Al'allamah Syeikh Ahmad al-Fathani ahli fikir Islam dan dunia Melayu, Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Shaghir bin Abdullah, 1990, Faridatul Faraid Syeikh Ahmad Al-Fathani, Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur.
- Wan Mohd Shaghir bin Abdullah, 1996-1997, Al-Fatawal Fathaniyah Syeikh Ahmad Al-Fathani, Jilid 1&2, Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur.
- Wan Muhd Shaghir bin Abdullah, 2005, Syeikh Ahmad Al-Fathani Pemikir Agung Melayu dan Islam, Jilid 1& 2, Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah: Kuala Lumpur
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005, Wacana Syeikh Ahmad Al-Fathani Pemikir Agung Melayu dan Islam, *Ins: Memperingati Genap 100 tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Kuala Lumpur: Wisma Sejarah.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005, siri 4, Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad Al-Fathani Aktiviti Pengajian Pondok Kelantan dan Selangor, *Ins: Memperingati Genap 100 tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Kuala Lumpur: Cheras.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005, siri 5, Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad Al-Fathani dan Ulama Kelantan, *Ins: Tazkirah Genap 100 tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Kelantan: Kompleks Islam Lundang Kota Bharu.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah, 2005, siri 6& 7, Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad Al-Fathani khusus tentang Thariqat Shufiyah, *Ins: Memperingati Genap 100 tahun Kewafatan Syeikh Ahmad Al-Fathani*, Kelantan: Dewan Thareqah Burhamiah Kota Bharu.
- Wan Mohammad Shaghir Wan Abdullah, 2002, Kepelbagaian Pemikiran dan Perjuangan Syeikh Ahmad Al-Fathani: kesan dahulu dan sekarang, *Ins: Seminar Pemikiran Syeikh Ahmad bin Mohd Zain*, Kelantan: Kompleks Balai Islam Lundang Kota Bharu.